

14 NOV 2000

DR MAHATHIR SELAMAT PULANG DARI DOHA

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, pagi ini, selepas menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kesembilan di Doha, Qatar.

Antara mereka yang berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah untuk menyambut ketibaan beliau ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Jet eksekutif yang membawa Dr Mahathir mendarat pada pukul 10.30 pagi.

Di Doha, Dr Mahathir berucap mewakili kumpulan negara-negara Asia pada majlis pembukaan.

Dr Mahathir juga mengadakan perbincangan dengan beberapa orang pemimpin asing termasuk Presiden Palestin, Yasser Arafat.

Dr Mahathir juga berucap pada satu perjumpaan dengan intelektual Islam dan ahli perniagaan di Kelab Diplomatik.

Petang ini, Perdana Menteri akan berlepas ke Bandar Seri Begawan untuk menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

-- BERNAMA

RZS AZZ LAT PR